

NO. SOALAN: 269

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID  
[ KUALA KANGSAR ]**

**Datin Mastura Binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan penutupan Stesen Minyak Petronas di Pekan Manong, Kuala Kangsar sangat merumitkan penduduk yang duduk jauh dari Bandar Kuala Kangsar. Mohon Kementerian mencadangkan kaedah baru atau alternatif supaya pengusaha-pengusaha minyak luar bandar dapat memberi perkhidmatan yang berterusan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Merujuk kepada penutupan Stesen Minyak Patronas di Pekan Manong, Kuala Kangsar, Perak, pihak PETRONAS memaklumkan pelantikan pengusaha baru stesen minyak tersebut sedang dilaksanakan dan pengoperasian semula stesen minyak tersebut dijangka pada bulan Mei 2018.

Sebagai usaha bagi memastikan penduduk di kawasan luar bandar mendapatkan bekalan bahan api yang mencukupi, terdapat tiga syarikat yang telah dilantik untuk membangunkan stesen minyak mini di kawasan-kawasan luar bandar termasuklah di kawasan FELCRA dan FELDA.

Syarikat tersebut adalah IPTB Sdn. Bhd. (BuraqOil), Smart Stream Resources Sdn. Bhd. (Smart Stream) dan Petro Teguh Sdn. Bhd. Pembangunan stesen minyak mini ini adalah alternatif kepada stesen minyak berjenama penuh dan melibatkan kos operasi yang rendah.